

Rozman bakal raikan pemimpin, atlet dan pelajar berjasa

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli telah merancang untuk mengadakan majlis untuk meraikan pemimpin masyarakat yang telah berjasa termasuk para atlet dan juga pelajar yang telah mengharumkan nama Labuan di persada dunia mahupun kebangsaan.

Katanya, majlis itu bukan sahaja untuk memperingati jasa dan perjuangan kepimpinan parti masa lalu tetapi juga menghargai jasa dan pengorbanan para atlet dan pelajar yang berjaya mengharumkan Labuan di persada antarabangsa dan juga di peringkat kebangsaan.

"Saya akan menetapkan satu tarikh yang amat sesuai untuk menganjurkan program ini sebagai usaha kerajaan untuk menghargai peranan dan kejayaan golongan tersebut dalam pelbagai bidang termasuk mengharumkan nama Labuan di persada antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Kunjungan Hormat Pengarah Institut Latihan Perindustrian Labuan (ILP) bersama pemenang pingat emas dan perak pelatih ILP yang menyertai Pertandingan 'Worldskills Asean Competation (ASC) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pada pertandingan itu, dua pelatih ILP Labuan, Muhammad Din Duin dan Mohd Ferdaus Zakaria masing-masing telah berjaya

meraih pingat emas kategori penerapan bata dan perpaipan dan pemanasan sekaligus akan mewakili negara ke Abu Dhabi pada November 2017.

Seorang lagi, Ridzuan Sibawon memenangi pingat perak bagi kategori perpaipan dan pemanasan.

Pengarah ILP Labuan, Abdullah Muhammad ketika memberikan taklimat dikunjungan hormat itu berkata, pada pertandingan yang melibatkan 9 buah negara Asean, Malaysia telah berjaya memperolehi sebanyak 22 pingat emas dan dua daripadanya disumbangkan oleh ILP Labuan.

Katanya, pertandingan yang dikhususkan kepada belia-belia dibawah umur 22 tahun itu telah disertai 266 peserta yang mengambil bahagian dalam 25 bidang kemahiran yang dipertandingkan.

Abdullah berkata, kali pertama ILP Labuan berjaya meraih pingat emas dalam bidang yang sama ialah pada tahun 2012 melalui Amran Naim yang turut berjaya ke peringkat dunia di Lipzig Jerman dan dianugerahkan penerima 'Medeling for Exchallenge'.

"ILP juga pada tahun 2014 berjaya meraih satu pingat emas dalam pertandingan yang sama di peringkat Asean melalui Mohd Farid-din Ali Kassim yang diadakan di Hanoi Viet-



CENDERAHATI... Rozman (tiga kanan) menerima cenderahati daripada Abdullah sambil diperhatikan Mohd Ferdaus (dua kiri), Muhammad Din (kanan sekali), Ridzuan (dua kanan) dan Mohd Rahmat (kiri sekali).

nam dalam bidang perpaipan dan pemanasan" katanya.

Sementara itu, Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan, mengucapkan tahniah kepada pemenang pingat emas dan perak yang telah membuktikan bahawa mere-

ka berjaya menonjolkan bakat kemahiran di peringkat antarabangsa.

Turut hadir dalam kunjungan hormat itu Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Institut Perindustrian Labuan, Mohd Rahmat Zainal. -
OLEH JAINUDIN DJIMIN